



Pelayanan Kanak-kanak
Adventist

Roh Kudus

DICURAHKAN



10 HARI
BERDOA

7-17 Januari 2026

Sumber Kanak-kanak

Pengenalan

Hai, sahabat!

Pernahkah anda tertanya-tanya bagaimana keadaan di syurga? Atau bagaimana Roh Kudus bekerja dalam hidup anda? Bersedialah, kerana melalui halaman-halaman ini anda akan menjalani sebuah pengembaraan yang hebat bersama Luca, seorang kanak-kanak yang mempunyai rasa ingin tahu yang tinggi, bersama dengan sahabatnya, malaikat Orel.

Mereka bersama-sama akan menelusuri Kota Yerusalem Baru, dan bertemu dengan tokoh-tokoh Alkitab seperti Musa, Yosua, Daud, Stefanus, Paulus, dan juga Yohanes Pembaptis. Setiap satu mereka akan menceritakan bagaimana Roh Kudus telah dinyatakan dengan kuasa pada saat-saat istimewa dalam kehidupan mereka. Dan yang paling indah adalah anda akan mendapati bahawa Roh yang sama ingin dinyatakan dalam hidup anda!

Ada kalanya, Roh yang dilepaskan memberikan kita kemampuan yang luar biasa; ada masanya, Dia memampukan kita menjadi pemimpin yang berani, atau mengajak kita untuk membaca serta memahami Alkitab. Dia turut mendorong kita untuk memelihara kesihatan, menguatkan kita ketika menghadapi penderitaan, memulihkan ketika kita gagal, dan sentiasa memberi ilham untuk melaksanakan misi memberitakan Yesus.

Dalam setiap bab, anda akan mendapati pelbagai aktiviti menarik dan bermakna seperti mewarna, melukis, menulis, berdoa, dan melaksanakan cabaran-cabaran ringkas yang boleh anda lakukan bersama keluarga dan sahabat. Semua ini disediakan agar anda bukan hanya sekadar membaca kisah ini, tetapi benar-benar menghidupinya!

Bukalah mata anda luas-luas, persiapkan hati anda, dan sertailah Luca dan Orel dalam pengembaraan ini. Mereka akan menunjukkan bahawa Roh Kudus bukanlah sesuatu misteri jauh dan sukar difahami, tetapi seorang Sahabat yang dekat, yang ingin bersama anda setiap hari dan yang dicurahkan dengan kuasa dalam hidup anda.

Wah! Adakah anda bersedia?

Jadi... Mari kita mulakan!



Tajuk:

Roh Kudus Yang Dicurahkan

Penulis

Pr. Francesco Marquina dan Angie Valdez, MPH

Diterbitkan oleh Pelayanan Kanak-kanak Adventist
Children.adventist.org – faithfinders.com

Hak Cipta © 2025

General Conference Corporation of Seventh-day Adventist



Roh Kudus DICURAHKAN

Wah! Telinga saya masih berdesing... Begitu banyak sangkakala yang ditiup serentak! Sungguh menakjubkan merasakan bumi bergetar apabila mendengar suara Yesus. Dari tanah, orang-orang bangkit, bersinar dengan cahaya yang luar biasa. Malaikat-malaikat yang bersukacita membawa orang-orang ditebus keluar dari kubur dan memeluk sahabat mereka pertama kalinya. Tiba-tiba, satu cahaya seperti pelangi menyelubungi saya. Pada mulanya saya merasa takut, tetapi saya menyadari bahawa beberapa orang di sekeliling saya juga mulai bersinar seperti saya. Saya merasakan kedamaian yang tidak dapat digambarkan, tubuh saya sedang dipulihkan, dan saya dipenuhi dengan kebahagiaan yang sempurna. Saya benar-benar tidak tahu bagaimana hendak menggambarannya.. Wah!

“Luca! Luca! Aku sedang bercakap dengan kamu,” kata Orel.

“Maaf, Orel, saya masih terpesona.. segala-galanya kelihatan begitu indah di sini,” jawab Luca sambil melangkah menuju ke arah sebatang pokok yang sungguh cantik dan telah menarik perhatiannya.

“Aku tahu, Luca. Aku sudah sekian lama menantikan saat untuk bercakap dengan kamu dan membawamu melihat Kota Yerusalem Baru,” kata Orel sambil berlari mengejar Luca. “Kamu memang sentiasa ingin tahu, anak kecil! Walaupun kamu tidak menyedarinya, aku telah menjagamu lebih daripada lapan tahun.” Orel tertawa dengan riang dan memeluk Luca.

“Terima kasih, Orel.. Saya suka nama kamu.. Orel.. Apakah ertinya?”

“Orel bermaksud ‘Cahaya Tuhan’. Nama itu diberikan kepadaku sejak dahulu.. tetapi kisahnya akan aku ceritakan kepadamu pada di kemudian hari. Luca, aku baru sahaja melihat seseorang yang ingin aku perkenalkan kepadamu,” kata Orel sambil menggenggam tangan Luca dan membawanya menuju kepada seseorang yang istimewa.

Berdiri di hadapan sosok yang istimewa tersebut, Luca menyadari bahawa itu adalah Yesus. Dia membuka mulutnya untuk mengatakan sesuatu, tetapi tidak ada kata yang mampu terluah - dia sangat teruja! Dia telah melihat Yesus datang ke dunia dengan kemuliaan dan kuasa yang besar, dan sekarang dia berdiri di hadapan-Nya.

“Oh, Luca yang kukasihi,” kata Yesus dengan senyuman yang penuh kasih. “Di syurga kita semua suka bercakap,” Yesus ketawa lembut. “Aku sangat gembira kamu berada disini. Terima kasih, Orel, kerana membimbingnya.”

Luca berlari lalu memeluk Yesus, air mata kegembiraan mengalir di pipinya. Pada saat itu, satu-satunya kata yang mampu diucapkannya ialah, “Terima kasih!” Dia mengulangnya berkali-kali, “Terima kasih! Terima kasih! Terima kasih, Yesus!”

“Wahai, anak-Ku yang berharga!” Yesus berkata dengan penuh kelembutan. “Segala-galanya telah Aku lakukan untukmu. Kamu percaya kepada-Ku, kamu mendengar suara-Ku, dan walaupun kamu masih kecil, kamu tidak ragu-ragu untuk menyerahkan hatimu kepada-Ku. Roh Kudus telah memberikan kamu keyakinan dan bekerja di dalam hatimu, dan itulah sebabnya kamu berada di sini sekarang. Kita akan bercakap, bermain, tertawa, dan belajar bersama selama-lamanya.”

“Roh Kudus? Saya sebenarnya tidak memahaminya dengan baik. Di bumi, tidak ada siapa pun yang menerangkan kepada saya,” jawab Luca, sambil memandang Yesus dengan mata yang penuh dengan air mata kegembiraan.



Yesus berpaling kepada Orel dan berkata, "Orel yang Kukasihi, pancarkan cahaya Tuhan ke atas anak ini supaya dia dapat mengenal Roh Kudus. Aku menyerahkan tugas yang penting ini ke dalam tanganmu."

"Sudah tentu, Tuhan Yesus," jawab Orel dengan riang. "Aku akan lakukan yang terbaik." Yesus mengucapkan selamat tinggal kepada mereka berdua dan meneruskan perjalanan-Nya.

"Luca, sekarang kamu sudah berada di syurga, adalah penting untuk kamu mengenal Roh Kudus," kata Orel sambil membuat sesuatu seperti kepingan kaca nipis muncul di udara. "Mari, aku akan menunjukkan satu petikan dari Alkitab. Kalau tidak silap, ia dicatatkan di.. ya.. ini dia.. Yohanes 14:16-17." Orel berkat sambil menggerakkan jarinya di atas kaca yang terapung itu.

Luca mendekat untuk membaca apa yang muncul pada kaca tersebut. Pada pandangan pertama, dia melihat huruf-huruf yang kelihatan pelik. Orel memberitahunya bahawa itu adalah bahasa Yunani purba. Tetapi apabila Luca berusaha membaca teks itu, dia menyedari bahawa dia dapat memahami semuanya!

Dia membaca, "Aku akan memohon kepada Bapa dan Bapa akan mengurniaimu Penolong yang akan menyertaimu selama-lamanya. Penolong itu Roh Kebenaran. Dunia tidak dapat menerima-Nya kerana tidak dapat melihat atau mengenal-Nya. Tetapi kamu mengenal-Nya kerana Dia tetap di dalammu dan akan ada di dalam dirimu."

"Ketika Tuhan Yesus berada di bumi," kata Orel kepada Luca, "Dia tahu bahawa Dia tidak dapat tinggal bersama murid-murid-Nya selama-lamanya. Sebagai manusia, Yesus tidak dapat menggunakan semua kuasa-Nya. Sebab itulah Dia berjanji untuk mengutus Roh Kudus untuk menyertai dan membimbing kita.

"Menarik sekali semuanya ini, Orel!" kata Luca dengan penuh semangat. "Saya mempunyai keinginan untuk tahu lebih banyak tentang Roh Kudus.."

"Kalau begitu..." sambung Orel, "ketika Yesus naik ke syurga, Roh Kudus dicurahkan sepenuhnya dan diutus ke bumi untuk membimbing semua orang kepada Yesus. Roh itu bekerja dengan senyap tetapi penuh dengan kuasa yang sangat besar. Kamu sendiri adalah bukti hasil pekerjaan-Nya, Luca yang kukasihi! Itulah sebabnya kamu berada di sini bersama saya di syurga!"

"Wah! Saya mahu mengetahui segala-galanya tentang Dia! Orel, ceritakan lagi kepada saya," kata Luca dengan penuh rasa ingin tahu.

"Aku baru terfikir satu idea yang lebih baik," kata Orel dengan cepat. "Aku akan memperkenalkan kepada kamu beberapa orang yang boleh berkongsi pengalaman mereka sendiri bersama dengan Roh Kudus."

"Saya tidak sabar lagi!" kata Luca ketika Orel menunjukkan satu peta terapung Koa Yerusalem Baru. Sebuah titik merah berkelip di satu kawasan berhampiran tempat mereka berada.

"Baiklah, bersedialah! Kita berdua akan menikmati pertemuan bersama dengan mereka.. Ikut aku!" kata Orel sambil berlari mendahului Luca menuju titik yang ditandakan pada peta itu.

"Mari pergi!"



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____






Mari mula

BEKERJA!

Baca ayat dalam Wahyu 21:2 dan warnakan gambar Yerusalem Baru. Dengan tangan anda sendiri, tulis di dalam kotak: **“Saya ingin tinggal di sini.”** Gunting gambar ini dan letakkannya di tempat yang mudah dilihat di rumah atau bilik anda.



Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar anda dapat mengenal Roh Kudus dengan lebih dekat dan agar Dia dicurahkan dalam hidupmu.
2. Berdoalah supaya Yesus segera kembali agar kita dapat hidup bersama-Nya untuk selama-lamanya.



Adventist
Children's Ministries

Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Mengurniakan Kita Kemampuan yang Luar Biasa

“Kita telah berlari beratus-ratus batu!” kata Luca sambil menghampiri Orel. “Sungguh menakjubkan, saya langsung tidak merasa letih - malah saya masih mahu terus berlari!”

“Kemampuan kamu sebagai manusia telah dipulihkan di sini sehingga ke tahap potensi yang maksimum, wahai Luca yang kukasihi,” jawab Orel sambil memandang peta terapung dan meninjau sekeliling taman yang indah tempat di mana mereka berada.

“Dipulihkan? Apa maksud kamu?” tanya Luca dengan cepat.

“Pada mulanya, Tuhan menciptakan Adam dan Hawa dalam keadaan yang sempurna. Mereka memiliki semua kemampuan pada tahap tertinggi dan mempunyai kesihatan yang terbaik,” jelas Orel.

“Namun, apabila mereka tidak mentaati Tuhan, mereka berpaling daripada-Nya, dan dosa telah merosakkan rancangan Tuhan yang indah bagi mereka.”

“Dalam generasi kamu, kemampuan manusia semakin berkurangan akibat dosa. Bayangkan apa yang lebih daripada 6000 tahun dosa boleh lakukan kepada tubuh manusia dan alam semula jadi itu sendiri!” sambung Orel. “Tetapi itu merupakan perbualan yang panjang di masa akan datang. Kita sudah tiba di tempat yang betul.”

Pada ketika itu, Luca menyedari keindahan taman yang telah mereka jejak. Terdapat bunga pelbagai bentuk yang berubah warna mengikut kedudukan matahari. Dinding bangunan berdekatan diperbuat daripada kaca, logam dan batu-batu permata yang berharga, sebahagian daripadanya, Luca tidak pernah melihat dari dekat semasa hidupnya di bumi.

“Semua ini sungguh menakjubkan, Orel,” kata Luca sambil meneliti dengan teliti salah satu dinding kristal yang menghiasi taman itu. “Lihatlah betapa halusnyanya perincian pada dinding ini. Terdapat benang-benang halus berwarna emas dan perak yang bersulam di antara ukiran bunga daripada zamrud. Wah! Saya tidak pernah melihat zamrud sebelum ini - ia sungguh indah..”

“Oh! Maafkan saya,” kata Luca sambil memandang terkejut ke arah lelaki yang baru sahaja dilanggarnya.

Lelaki itu berdiri dan mula ketawa dengan kuat. “Bukan salah kamu, anak kecil,” katanya dengan ceria. “Kesilapan saya kerana terlalu leka memerhatikan segala keunikan istimewa tempat ini. Setiap hari saya menemui sesuatu yang baru yang menarik perhatian saya.”

“Oh! Luca! Kamu telah bertemu dengan Bezalel!” kata Orel dengan teruja. “Aku sebenarnya ingin memperkenalkan dia kepadamu, tetapi nampaknya kamu berdua sudah saling bertegur sapa.. dengan kepala kamu!” kata Orel sambil ketawa.

“Bezalel! Sungguh merupakan suatu kehormatan dapat bertemu denganmu,” kata Luca.

“Kehormatan itu milik saya,” jawab Bezalel sambil memandang Orel dengan penuh minat, yang ketika itu sedang pantas mencari sesuatu di kaca terapung dengan jarinya.

“Ini dia, aku telah menemuinya!” kata Orel, sambil menunjukkan teks yang ditulis dalam huruf-huruf yang kelihatan asing. “Ia ditulis dalam bahasa Ibrani purba, tetapi aku rasa kamu tidak akan menghadapi sebarang kesukaran untuk memahami tulisan ini.”



Kedua-dua mereka datang dan membacanya.

Di bahagian atas tertera Keluaran 31:1-5: "Tuhan berfirman kepada Musa. Lihat, Aku telah memanggil Bezaleel anak Uri dan Hur daripada bani Yehuda. Aku memenuhi dia dengan Roh Allah, dengan kebijaksanaan, pengertian, pengetahuan, dan segala jenis kemahiran bertukang untuk merancang hasil kerja mahir daripada emas, perak, dan gangsa, dan juga untuk mengukir batu permata untuk tatahan, mengukir kayu, serta mengerjakan segala jenis keahlian dalam bidang kerja."

"Oh ya, itu saya," kata Bezalel dengan gembira. "Saya sangat diberkati oleh Tuhan semasa hidup di bumi."

"Ceritakanlah kepada saya bagaimana Roh Tuhan telah menggunakanmu," kata Luca. "Saya sangat ingin mengetahuinya."

"Sejak usia yang sangat muda, saya gemar bermain dan bekerja dengan pelbagai jenis batu dan bahan-bahan yang menarik," jawab Bezalel sambil memandang Luca. "Apabila saya semakin dewasa, saya menyedari bahawa saya mempunyai kemahiran untuk membuat benda-benda yang indah dengan menggunakan tangan saya. Oleh itu, saya memutuskan untuk setia kepada Tuhan dalam segala perkara dan dengan sepenuh hati ingin menggunakan kemampuan saya dalam pelayanan-Nya."

"Tuhan mendengar doa-doa saya dan mencurahkan Roh Kudus-Nya ke atasku. Seorang pemimpin besar bernama Musa memanggil saya untuk terlibat dalam projek pembinaan yang paling agung di alam semesta. Saya, bersama dengan beberapa sahabat, diberi keistimewaan untuk membina tempat kediaman sementara bagi Tuhan, supaya kehadiran-Nya dapat dirasakan bersama-sama oleh anak-anak yang dikasihi-Nya. Apabila kita rindu untuk melayani Tuhan dengan segenap hati, Dia akan melipatgandakan kemampuan kita melalui Roh-Nya," Bezalel mengakhiri ceritanya.

"Kamu telah melakukan pekerjaan yang paling berharga yang pernah dihasilkan di bumi waktu itu," kata Orel kepada Bezalel. "Tanganmu mampu membina sebuah rumah kecil bagi Tuhan - satu kehormatan yang besar!"

"Kamu seorang seniman yang hebat!" kata Luca. "Sekarang saya faham mengapa kamu begitu meneliti setiap perincian dinding di taman ini. Saya telah belajar banyak daripada pengalamanmu, Bezalel. Terima kasih."

"Sama-sama, anak kecil," jawab Bezalel. "Kiranya Roh juga dicurahkan ke atas kemampuanmu supaya kamu terus bertumbuh dalam pengetahuan akan Tuhan. Terutamanya di sini, di syurga, terdapat begitu banyak perkara untuk dikaji dan dipelajari! Di sini, pengetahuan tidak akan pernah berakhir!"

Orel dan Luca mengucapkan selamat tinggal kepada Bezalel, yang terus meneliti dengan penuh teliti dinding kristal yang indah itu.

"Sudah bersedia untuk bertemu orang seterusnya?" tanya Orel, sementara satu titik merah berkelip pada peta terapung.

"Jom pergi!" jawab Luca dengan teruja.

Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

Apa kemampuan yang anda miliki?

Apa kemampuan yang anda ingin miliki?

1. Gunakan salah satu kemampuan yang sudah anda miliki untuk melakukan kebaikan kepada seseorang yang belum mengenal Yesus.
2. Pilih satu kemampuan yang anda ingin miliki, lalu buatlah sekeping kad untuk memohon kepada Yesus agar mengurniakan kemampuan tersebut supaya dapat digunakan dalam pelayanan kepada-Nya. Letakkan kad itu di tempat yang mudah dilihat di rumah anda.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dinyatakan dengan kuasa dalam hidup anda dan mengurniakan anda kemampuan yang luar biasa.
2. Berdoalah agar Yesus memberikan anda peluang untuk menggunakan kemampuan anda bagi memimpin keluarga dan rakan-rakan menuju ke syurga.



Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Melengkapi Kita untuk Memimpin

Titik merah yang berkelip pada peta itu berhenti di tebing sebuah sungai yang besar. Terdapat ramai orang di kedua-dua sisi sungai tersebut. Singa, domba, dan pelbagai jenis haiwan lain bermain tenang bersama dengan orang-orang di sana. Segalanya terasa hening, dan kedamaian memenuhi suasana.

“Apakah tempat ini, Orel?” tanya Luca dengan penuh kehairanan.

“Kita berada di tebing Sungai Air Kehidupan,” jawab Orel dengan pantas.

“Sungai ini mengalir melintasi seluruh Kota Yerusalem baru, dan yang paling menakjubkan ialah ia mengalir terus dari takhta Tuhan sendiri!”

“Wah! Betapa indah tempat ini,” kata Luca sambil berlari memeluk kaki seekor zirafah yang sedang memakan buah dari sebatang pokok besar di tepi sungai.

Ramai orang mendekat apabila mereka melihat lidah zirafah yang panjang itu dengan lembut menjilat kepala Luca. Zirafah itu menyapanya dengan penuh keramahan, tetapi meninggalkan Luca dengan kepala yang dipenuhi air liur.

“Ini, gunakan kain ini untuk membersihkan diri,” kata Orel sambil menyerahkan kepada Luca sehelai kain yang sangat lembut. “Ia diperbuat daripada bahan menyerap, yang dihasilkan di..”

Seseorang menyampuknya, “Apa yang anak kecil ini perlukan ialah mandi sebentar di dalam sungai. Zirafah itu menyambut saya dengan cara yang sama pada kali pertama saya bertemu dengannya,” kata seorang lelaki yang memandang ke arah Orel.

Luca menyedari bahawa ada sesuatu yang istimewa tentang lelaki itu. Wajahnya bersinar dengan cahaya yang lembut, pandangannya memancarkan kasih, dan suaranya membawa ketenangan.

“Siapakah kamu?” tanya Luca. “Saya rasa seperti mengenali kamu.”

“Kamu sedang berdiri di hadapan Musa yang terkenal,” jawab Orel.

“Terkenal? Saya?” kata Musa sambil tersenyum. “Saya telah berada di sini sudah beberapa tahun sekarang, sejak Tuhan membangkitkan saya dan membawa saya untuk tinggal bersama-Nya. Sebab itulah saya sangat mengenali zirafah yang penyayang ini. Mari, Luca, basuh dirimu dalam air sungai ini.”

Luca mengikutinya ke tebing sungai dan dia sangat terpegun melihat kesempurnaan serta ketenangan air sungai itu. Airnya jernih seperti kristal, namun tetap mengalir seperti air. Musa berlutut, mencedok air dengan kedua-dua tangannya, lalu memercikkannya ke atas Luca.

“Wah! Sungguh menyegarkan!” Luca merasakan dirinya benar-benar bersih, tetapi bagaimana?

“Luca, kamu sedang berdiri di hadapan Musa. Jangan sia-siakan peluang untuk belajar daripadanya,” kata Orel sambil menghampiri bersama dengan kaca terapung, di mana satu petikan Alkitab telah ditandakan.

“Ada satu peristiwa khusus dalam kehidupan Musa yang akan membantu kita memahami Roh Kudus.”

Luca membaca dengan suara lantang Bilangan 11:16-17, “Firman TUHAN kepada Musa, ‘Kumpulkanlah bagi-Ku tujuh puluh orang daripada kalangan tua-tua Israel yang kau kenal sebagai tua-tua umat dan pegawai atasan rakyat. Bawalah mereka ke Khemah Pertemuan, dan suruhlah mereka menyatakan pendirian



mereka di sana bersama-sama. Aku akan hadir dan berfirman kepadamu di sana, lalu Aku akan mengambil sebahagian daripada Roh yang ada padamu dan meletakkannya pada mereka lantas mereka akan menanggung beban bangsa ini bersama dengan kamu, sehingga kamu tidak perlu menanggungnya bersendirian.”

“Oh!” kata Musa. “Saya masih ingat menulisnya bertahun-tahun yang lalu. Terpujilah Tuhan kita yang baik, yang telah menggenapi segala janji-Nya kepada kita! Luca, saya sungguh kagum dengan kemampuanmu memahami bahasa Ibrani purba.. luar biasa!”

“Musa, Roh Kudus ada ke atasmu, dan Tuhan mengurniakkannya juga kepada orang lain? Wah!” Luca segera bertanya, “Adakah kamu orang pertama dalam kalangan bangsa Israel yang menerimanya? Sudah pasti ianya suatu pengalaman yang luar biasa. Apakah yang kamu rasakan? Apakah yang kamu lakukan? Adakah kamu merasa takut?”

“Anak yang kukasihi,” kata Musa, “pertanyaan-pertanyaanmu mengingatkan saya kembali kepada banyak kenangan dan kisah. Saya hanyalah seorang manusia biasa yang berusaha melakukan yang terbaik bagi Tuhan. Saya seringkali gagal, tetapi Tuhan, dalam kemurahan-Nya, mengampuni dan memulihkan saya. Adakah saya takut? Sudah tentu! Saya meninggalkan Mesir bersama lebih daripada dua juta orang, satu bangsa yang sukar. Saya tidak tahu apa yang harus dilakukan, dan sekiranya bukan kerana Roh Tuhan yang membimbing saya, saya tidak tahu bagaimana kisah hidup saya akan berakhir.

“Tuhan mencurahkan Roh-Nya ke atas saya untuk memimpin umat-Nya menyeberangi Laut Merah dan melalui padang gurun. Cabarannya sangat besar! Kami tidak mempunyai makanan, kekurangan air, dan terdapat binatang-binatang buas berbahaya yang ingin mencederakan kami. Bangsa itu bersungut-sungut dan berkata-kata menentang Tuhan. Oleh sebab itu, Tuhan memilih beberapa orang untuk membantu saya memimpin bangsa Israel, dan Dia juga mengurniakan Roh-Nya kepada mereka, supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan cara yang benar.

“Roh Tuhan memperlengkapkan kami untuk membawa bangsa itu ke Kanaan - Tanah Perjanjian. Saya tidak memasuki tanah perjanjian itu, tetapi saya memasuki tanah syurga ini! Tuhan setia menepati janji-Nya! Roh Kudus memberikan kita kemampuan untuk memimpin umat Tuhan!”

“Wah, Musa! Sungguh luar biasa! Saya rasa tidak ada seorang pun yang memiliki pengalaman seperti yang kamu alami,” kata Luca. “Saya ingin mendengar semua kisahmu.”

“Sudah tentu! Bila-bila masa sahaja jika kamu ingin berbual, aku akan menunggu di bawah pokok yang akarnya menjangkau ke kedua-dua sisi sungai itu.” Mata Luca terbuka luas apabila dia menyedari bahawa pohon yang ditunjukkan oleh Musa itu ialah Pohon Kehidupan. Dalam fikirannya, pelbagai soalan baru mula muncul.

Orel menyedari hal itu lalu berkata, “Luca, sudah tiba masanya untuk kita pergi. Kita mesti menuju ke suatu tempat yang sangat jauh.” Dia menunjuk ke arah peta terapung. Kini peta itu tidak lagi rata. Terdapat bulatan-bulatan kecil yang bersinar, dan satu titik merah berada pada salah satu bulatan itu.

“Adakah kita akan pergi ke planet lain?” tanya Luca dengan teruja.

Orel tersenyum dan, dengan nada yang sama seperti Musa, berkata, “Sudah tentu! Kita tunggu apa lagi?”

Mereka berdua mengucapkan selamat tinggal kepada Musa lalu meninggalkan galaksi itu.



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

1. Pada sehelai kertas, lukis dan warnakan salah satu peristiwa dalam kehidupan Musa yang paling memberikan kesan kepada anda. Ia boleh berkaitan dengan tulah-tulah yang menimpa Mesir, bagaimana dia membelah laut Merah, bagaimana manna turun dari syurga, dan sebagainya.
2. Hantarkan lukisan anda kepada pastor atau ketua gereja. Dia bahagian belakang lukisan itu, tuliskan satu pesanan galakkan untuk tugas mereka dalam memimpin gereja. Nyatakan bahawa kamu berjanji untuk mendoakan agar Roh Kudus dinyatakan dengan kuasa ke atas mereka, supaya mereka menjadi pemimpin yang membimbing gereja menuju kepada Yesus.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dinyatakan dengan kuasa dalam hidup anda dan membentuk anda menjadi seorang pemimpin yang berkuasa dalam Gereja Adventist pada zaman akhir dunia ini.
2. Berdoalah agar Yesus memberikan kamu peluang untuk menggunakan kepimpinan anda bagi mempersiapkan ramai orang supaya siap sedia menyambut Kedatangan Kristus yang Kedua Kali.



Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Sentiasa Menuntun Kita kepada Alkitab

“Pegang erat,” kata Orel. “Kita hampir tiba.”

Luca memandang sekeliling sambil menggenggam tangan Orel dengan kuat. Mereka terbang merentasi keluasan angkasa. Luca telah menyaksikan begitu banyak perkara yang menakjubkan! Mereka melintasi bintang-bintang yang menyala seperti api, namun tidak ada apa-apa yang berlaku kepada mereka. Wah!

Pada mulanya, Luca cuba mengira jumlah planet yang mereka lalui, tetapi setelah beberapa ketika, dia kehilangan jumlah kiraan cahaya, warna, dan kilauan bintang yang tidak berkesudahan. Mereka telah mengembara selama beberapa hari. Pengalaman ini benar-benar di luar bayangan!

“Kita sudah tiba,” kata Orel ketika mereka menghampiri sebuah planet besar yang berwarna biru langit, dikelilingi oleh lingkaran dan beberapa buah bulan. “Kita akan masuk di sini,” katanya sambil menunjuk ke satu bahagian planet itu. Penurunan mereka berlangsung dengan pantas. Dalam beberapa minit sahaja, mereka sudah berdiri di sebuah lembah yang indah, dipenuhi dengan pohon-pohon gergasi yang berbuah kelihatan sungguh lazat.

“Aku sedang menunggu kamu,” kata satu suara yang lembut. “Aku berada di sini sejak beberapa hari yang lalu. Sahabatku Musa, memberitahuku bahawa kamu akan datang, jadi aku mengambil sedikit masa untuk berehat dan bertemu dengan kamu.”

“Terima kasih kerana sudi menunggu kami!” jawab Orel dengan pantas. “Luca yang dikasihi, izinkan aku memperkenalkan kepadamu Yosua, pengganti Musa dan pemimpin yang telah membawa bangsa Israel memasuki Kanaan, Tanah Perjanjian.”

“Wah! Engkau ialah salah satu tokoh kegemaran saya dalam Alkitab! Satu kebesaran dapat bertemu denganmu, Yosua!” Luca berkata dengan riang. “Saya rasa kamu juga menjadi tokoh kegemaran ramai orang di bumi.”

“Ah, itu bukan sesuatu yang besar,” jawab Yosua dengan ceria. “Tuhan telah mengurniakan kepadaku banyak keistimewaan semasa kehidupanku di dunia. Terpujilah nama-Nya untuk selama-lamanya! Aku hanya berusaha melakukan kehendak Tuhan dengan setia menurut Firman-Nya.”

“Betul sekali!” kata Orel sambil mengeluarkan kaca terapung dengan satu ayat Alkitab yang telah diterangi. “Yosua, kami sedang menyelidiki apa yang dilakukan oleh Roh Kudus ketika Dia dicurahkan ke dunia, dan saya menemui satu rujukan yang sangat menarik tentang dirimu.”

Orel mula membaca Ulangan 34:9

“Yosua anak Nun penuh dengan roh kearifan, kerana Musa telah meletakkan tangannya ke atasnya. Orang Israel mentaatinya dan melakukan seperti yang diperintahkan TUHAN kepada Musa.”

“Oh ya! Aku masih ingat hari itu. Aku sangat gementar,” kata Yosua. “Sahabatku Musa memberitahuku bahawa Tuhan telah memilih aku menjadi pemimpin baru bangsa Ibrani. Bagaimana mungkin aku menggantikan Musa yang begitu agung?! Aku berasa tidak layak, tetapi Roh itu dicurahkan ke atasku dan menguatkan aku. Tuhan memberikan aku rahsia untuk hidup dalam kemenangan.”

“Biar aku tunjukkan kepadamu,” kata Yosua sambil mencari satu lagi ayat pada kaca terapung Orel. “Aku menuliskannya dalam kitabku sendiri dalam Alkitab. Di sini.. inilah rahsianya, dalam Yosua 1:8-9.”



Dengan penuh perasaan, Yosua mula membaca, "Kitab Suci Taurat ini tidak akan lekang daripada mulutmu, tetapi hendaklah engkau merenungkannya siang dan malam, supaya engkau berhati-hati melakukan segala yang tertulis di dalamnya. Dengan demikian perjalananmu akan beruntung dan engkau akan berjaya. Bukankah telah Kuperintahkan kepadamu, 'Kuatkanlah dan mantapkanlah hatimu'? Jangan gentar dan jangan kecut hati, kerana TUHAN, Allahmu, menyertai engkau ke mana-mana jua pun engkau pergi."

"Perkara paling penting yang aku pelajari melalui roh Kudus," kata Yosua dengan semangat, "ialah aku mesti sentiasa mempelajari Alkitab. Itulah rahsiaku dalam memimpin umat Tuhan. Setiap hari aku mencari pencurahan Roh dalam hidupku dengan merenungkan Firman Tuhan."

"Benar, Yosua!" kata Luca. "Saya masih ingat ketika saya baru mula belajar membaca, ayah dan ibu sentiasa menggalakkan saya membaca Alkitab setiap hari. Saya belajar begitu banyak tentang kasih Tuhan! Ada perkara yang saya tidak faham pada mulanya, tetapi sedikit demi sedikit saya mula memahaminya."

"Sangat benar!" Itulah yang berlaku apabila Roh itu dicurahkan ke atas mereka yang rindu mahu mengenali Tuhan dan Dialah yang menolong mereka memahami Alkitab," jawab Yosua dengan penuh hormat. "Roh Kuduslah yang mengilhamkan penulisan Alkitab, dan Roh yang sama juga bersukacita untuk menyatakan Yesus kepada kita."

"Aku sangat suka melihat kamu mempelajari Alkitab sejak kecil, wahai Luca yang dikasihi," kata Orel dengan penuh keikhlasan. "Engkau tidak dapat melihat aku, tetapi aku sentiasa ada di situ, bersukacita kerana mengetahui bahawa engkau adalah seorang anak yang mempunyai hati yang baik dan sungguh-sungguh mencari Yesus."

"Terima kasih, Yosua, kerana mengingatkan saya akan saat-saat indah ketika saya membaca Alkitab," kata Luca kepada Yosua. "Dan terima kasih juga, Orel, atas penyertaanmu. Alkitab telah memberitahu saya bahawa saya tidak pernah bersendirian, malaikat-malaikat Tuhan sentiasa berada di sisiku. Wah!"

"Anakku, betapa indahnya apabila engkau menjadikan Alkitab sebagai peta dalam hidupmu," kata Yosua dengan ceria. "Itulah sebabnya engkau berada di syurga - kerana engkau telah mengenal secara peribadi Sang Pencipta, iaitu Yesus."

"Apa yang sedang Orel lakukan?" tanya Yosua.

"Kita perlu pergi, Luca. Aku sudah menentukan destinasi seterusnya," kata Orel sambil menunjukkan peta terapung dengan satu lagi merah yang berkelip. "Nampaknya kita akan kembali ke Yerusalem Baru."

"Oh, alangkah baiknya!" kata Yosua. "Aku juga akan kembali ke sana tidak lama lagi. Aku sedang berlumba dengan rakan misiku - kamu tentu mengenalinya, namanya Kaleb. Di bumi dahulu, dia gemar menakluk gunung-gunung. Di sini pula, dia mahu menjadi orang pertama yang meneroka seluruh dunia!" Yosua tertawa. "Baiklah, aku juga harus pergi. Kaleb sudah beberapa hari mendahului. Selamat mengembara. Sahabat-sahabatku!"

"Selamat mengembara, Yosua!" kata Orel dan Luca serentak.

Dan sekali lagi, mereka mengembara merentasi alam semesta dengan kelajuan yang lebih pantas daripada cahaya.

Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____






Mari mula

BEKERJA!

Baca Ibrani 1:2 dan warnakan gambar perjalanan yang hebat merentasi alam semesta. Dengan tulisan tangan kamu sendiri, tuliskan dalam kotak dibawah: **“Aku akan mengembara merentasi alam semesta.”** Gunting gambar tersebut dan letakkan di tempat yang mudah dilihat di rumah atau di dalam bilik kamu.



Mari

BERDOA!

Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidup anda dan memberikan anda keinginan untuk mempelajari Alkitab setiap hari.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolong anda mengenal Yesus melalui Alkitab.



Adventist
Children's Ministries

Roh Kudus yang **DICURAHKAN**

Memulihkan Kita Walaupun Kita Pernah Melakukan Kesalahan

“Wah! Sungguh menakjubkan! Apakah tempat ini?” tanya Luca penuh ingin tahu. “Segalanya sungguh indah! Dan apakah yang di sana?”

“Kita berada di bilik takhta Tuhan di Yerusalem Baru,” kat Orel dengan penuh hormat.

“Tempat ini ialah salah satu tempat yang paling suci di seluruh alam semesta, Luca. Kamu masih ingat Sungai Air Kehidupan yang kita lihat beberapa ketika dahulu?”

“Ya, mustahil untuk dilupakan,” jawab Luca sambil menatap Orel.

“Disinilah tempat sungai itu bermula - lihat,” kata Orel sambil menunjuk ke bahagian bawah takhta emas yang sangat besar, berdiri di tengah-tengah dewan yang agung itu.

“Saya nampak, ya - airnya kelihatan seperti kristal. Adakah ia bermaksud bahawa kita berada di pusat Yerusalem Baru? Tempat ini sungguh menakjubkan, Orel! Apakah tujuan kita datang ke sini?” tanya Luca.

“Bukan apakah, tetapi siapa yang kita datang untuk ditemui di sini,” jawab Orel sambil tersenyum. “Biar aku ceritakan sedikit tentang diriku. Aku adalah salah seorang malaikat yang bernyanyi dalam koir syurga bagi Tuhan. Tempat aku berada ialah di salah satu platform tengah ini. Ia merupakan satu keistimewaan yang besar.”

“Kamu harus mengajar saya cara bernyanyi!” kata Luca dengan teruja. “Saya tidak pandai muzik atau menyanyi.. Saya berharap saya ada belajar ketika berada di bumi.”

“Tidak pernah terlambat untuk belajar, wahai anak kecil - terutamanya apabila kamu mempunyai seluruh kekekalan untuk belajar.” kata seorang lelaki yang sangat tampan, berpakaian jubah yang indah.

“Itu dia, sahabatku yang dikasihi!” kata Orel sambil mendepakan tangannya untuk memeluk lelaki itu. “Luca, izinkan aku memperkenalkan kepadamu Raja Daud.”

“Benarkah? Aku tidak percaya! Raja Daud sendiri - satu keistimewaan yang besar!” kata Luca.

“Ya, aku benar-benar nyata,” Daud ketawa dengan gembira. “Namun di syurga, aku bukan seorang raja. Hanya ada satu Raja dan Tuhan, iaitu Juruselamat kita, Yesus.”

Orel menyalakan kaca terapung itu untuk memaparkan satu ayat Alkitab. “Kali ini aku menemuinya dengan cepat. Daud mempunyai begitu banyak ayat yang berkaitan dengan namanya,” kata Orel dengan teruja. “Silakan, sahabatku Daud, bacakan ayat ini.”

Daud membaca dengan lantang 1 Samuel 16:13, “Samuel mengambil tabung tanduknya yang berisi minyak itu dan melantik dia di depan abang-abangnya. Maka sejak hari itu dan seterusnya, Roh TUHAN turun atas Daud dengan penuh kuasa. Setelah itu, Samuel segera pulang ke Rama.”

“Aku masih ingat hari itu,” kata Daud. “Saudara-saudaraku dan ayahku sangat terkejut...”

“Saudaraku yang terkasih, Daud, Luca sedang belajar tentang Roh Kudus dan bagaimana Dia bekerja melalui manusia di bumi,” kata Orel.



“Bolehkah engkau kongsi pengalamanmu?”

“Oh sahabat-sahabatku, apakah lagi yang dapat aku katakan yang belum kamu ketahui daripada Alkitab?” kata Daud. “Aku hanyalah seorang gembala muda, yang paling bongsu antara semua saudara-saudaraku, namun Tuhan memilih aku menjadi Raja Israel walaupun usiaku masih muda. Roh Kudus mengurapi aku dan menolongku mengembangkan banyak kemampuan.”

“Aku telah mahir dalam politik dan kepimpinan Israel, aku telah menjadi penggubah muzik yang handal, aku menyukai pembinaan tempat-tempat yang cantik. Aku menjadi sangat terkenal, dan rakyat mengasihiku... namun sedikit demi sedikit, hatiku mulai menjauh daripada Tuhan.”

“Aku telah melakukan perkara-perkara yang sangat jahat. Sebagai raja, aku seharusnya menjadi teladan rohani kepada bangsa Israel, tetapi untuk satu tempoh yang panjang aku menjadi sombong, licik, malah seorang penjenayah. Aku membunuh seorang lelaki yang tidak bersalah dan dihormati hanya untuk mendapatkan isterinya.”

Orel dan Luca mendengar dengan penuh perhatian setiap kata-kata Daud.

“Di manakah anak muda yang dahulu telah diurapi oleh Roh Kudus itu?” kata Daud sambil air mata mengalir di pipinya. “Sesungguhnya, sahabat-sahabatku, aku tidak menangis kerana kisah yang aku ceritakan ini, tetapi air mataku adalah air mata kesyukuran, kerana Tuhan kita yang baik telah mengampuni dan memberikan peluang kedua walaupun aku telah melakukan banyak kesalahan.”

“Yesus telah menyucikan aku, dan selepas pengalaman-pengalaman pahit dalam hidupku, Roh Kudus dicurahkan sekali lagi ke atas diriku untuk menolong memalingkan bangsa Israel daripada jalan kejahatan mereka dan membawa mereka kembali kepada Tuhan dengan sepenuh hati.”

“Kisah yang sungguh mendalam dan penuh kuasa!” kata Luca sambil menyeka air matanya dengan menggunakan hujung jubahnya.

“Terima kasih banyak, Daud, kerana melalui pengalamanmu kami telah mempelajari pelajaran yang sangat berharga.. Tuhan itu baik, Dia mengampuni kita, dan Roh-Nya memulihkan kita.”

“Benar sekali, wahai anak kecil. Tuhan itu baik - terlalu baik, sehingga Dia mengizinkan aku berada dekat dengan takhta-Nya dan koir para malaikat,” kata Daud sambil memandang dengan penuh hormat ke arah tempat takhta itu. “Aku sedang mengubah beberapa nyanyian untuk koir, semoga suatu hari nanti para malaikat akan menyanyikannya bagi Tuhan kita.”

“Sudah tentu kami akan menyanyikan lagu-lagumu, Daud,” kata Orel sambil tersenyum lebar. “Para malaikat mengetahui bakat muzikmu yang luar biasa. Mungkin tidak lama lagi engkau juga akan menyertai kami. Masa berlalu dengan begitu cepat, Luca, kita harus berangkat ke tempat lain.”

Peta itu sudah menunjukkan satu titik merah yang berkelip di sebelah timur Yerusalem Baru.

“Aku akan melawatmu lagi, Daud,” kata Luca. “Terima kasih banyak!”

“Engkau tahu di mana hendak mencariku,” kata Daud sambil mengerdipkan mata. “Selamat tinggal, sahabat-sahabatku!”



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Kisah Daud menunjukkan kepada kita bahawa Tuhan sanggup mengampuni dan menyucikan kita daripada segala kesalahan yang telah kita lakukan. Oleh itu, cabaran hari ini dibahagikan kepada dua kumpulan:

- Sudah dibaptiskan? Lakukan ini: Bincang bersama pastor atau ketua gereja untuk mengetahui bila Perjamuan Kudus seterusnya akan di adakan di gereja anda. Ambil bahagian dan terimalah sekali lagi pengampunan atas dosa-dosamu.
- Belum dibaptiskan? Lakukan ini: Bincangkan bersama dengan ibu bapa, pastor, atau guru Alkitab tentang kemungkinan untuk dibaptiskan. Ikutilah kelas atau kursus Alkitab untuk mengenal Yesus dengan lebih mendalam, dan buatlah keputusan untuk menyerahkan hati anda kepada-Nya.



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dengan kuasa dalam hidup anda dan menyucikan anda daripada setiap fikiran serta perbuatan yang salah.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolongmu untuk sentiasa setiap kepada Yesus.

Roh Kudus yang **DICURAHKAN**

Memotivasikan Kita untuk Menjalani Gaya Hidup yang Sihat

Pokok-pokok yang dipenuhi dengan bunga dan buah-buahan semua tersusun dengan sempurna, dibahagikan mengikut jenis dan spesiesnya. Rama-rama yang indah berkelauan di bawah cahaya matahari, berterbangan ke sana sini. Burung-burung yang paling indah berlari dan terbang bebas di seluruh padang yang luas dan indah itu.

“Kita telah tiba di padang rumput syurga!” kata Orel sambil menunjuk ke ara semak-semak itu. “Walaupun terdapat pokok buah-buahan yang lazat di seluruh Yerusalem Baru, di sinilah hampir setiap jenis buah dan sayuran ditanam dan dituai untuk memberi makan kepada seluruh penghuni Kota Kudus.”

“Wah! Saya cuma berharap supaya brokoli rasa sedap di sini!” Luca ketawa. “Di bumi dahulu, kami makan daging, tetapi saya lihat di sini tiada siapa yang memerlukannya.”

“Jawapannya mudah,” kata seorang lelaki sambil melangkah keluar dari celah semak-semak. Dia memakai jubah putih yang indah dengan jalur merah di bahagian bawahnya.

“Ketika Tuhan mencipta bumi, Dia merancang manusia untuk memakan tumbuh-tumbuhan dan biji-bijian sahaja. Daripada sumber itu, manusia akan memperoleh segala yang diperlukan untuk hidup dengan sihat. Namun, apabila dosa masuk ke dalam dunia, manusia menjauh daripada rancangan sempurna Tuhan dan mula membunuh haiwan untuk dijadikan makanan.”

“Tuhan mengizinkan daging diperkenalkan ke dalam pemakanan manusia selepas peristiwa air bah.” tambah Orel.

“Selepas air bah, pilihan sumber makanan daripada sayur-sayuran sangat terhad! Namun begitu, Tuhan tetap menetapkan apa yang bersih untuk dimakan dan apa yang tidak. Tetapi manusia tetap terus menjauh daripada rancangan asal Tuhan, dan hal ini membawa kesan yang serius terhadap kesihatan mereka.”

“Tidak perlu lagi mengingati masa lalu yang menyedihkan! Segala-galanya baru di sini!” kata lelaki itu sambil menghulurkan tangannya kepada Luca. “Nama saya Yohanes. Di bumi dulu, mereka memanggil saya Yohanes Pembaptis, tetapi di syurga semua orang telah pun dibaptiskan oleh Roh Kudus.” Yohanes ketawa riang. “Jadi, tidak banyak kerja pembaptisan untukku di sini, bukan?”

“Yohanes Pembaptis! Satu keistimewaan yang besar!” kata Luca dengan teruja. “Engkaulah yang menyediakan jalan bagi kedatangan Yesus ke bumi. Wah! Nama saya Luca, dan ini Orel.”

“Gembira dapat bertemu dengan kamu!” kata Yohanes sambil berjabat tangan dengan mereka. “Aku sering datang ke sini. Aku suka merasakan hembusan angin dan dikelilingi oleh alam ciptaan Tuhan. Dalam keheningan, aku dapat bermeditasi dan mengenal Yesus yang baik dengan lebih mendalam. Dia ialah sepupuku di bumi, tetapi aku tahu bahawa Dia adalah Anak Domba Tuhan yang menghapuskan dosa dunia, dan Dia benar-benar melakukannya!”

Orel menghampiri Luca sambil memegang kaca terapung yang memaparkan satu ayat Alkitab. “Ini satu ayat yang menarik tentang sahabat kita Yohanes.” Dengan jarinya dia menunjuk Lukas 1:15 dan membacanya, “...kerana dia akan menjadi mulia di mata Tuhan. Dia tidak akan minum air anggur atau minuman keras kerana dia akan dipenuhi Roh Kudus sejak dari rahim ibunya lagi.”

“Kenangan yang indah!” kata Yohanes. “Ayahku Zakharia sukar mempercayainya, dan Tuhan mengambil suaranya sehingga hari aku dilahirkan. Hingga hari ini, kami masih mengusiknya tentang hal itu...”



“Kami sedang belajar tentang Roh Kudus,” kata Orel kepada Yohanes. “Kisah engkau sangat istimewa, Yohanes. Engkau telah dipilih bahkan sebelum engkau dilahirkan untuk mempersiapkan hati manusia supaya menerima Yesus sebagai Mesias yang dijanjikan. Roh itu dinyatakan dengan kuasa dalam hidupmu sejak dari rahim ibumu. Apakah erti semuanya itu bagimu?”

“Sejak usia yang sangat muda, ibu bapakmu telah mengajar aku untuk takut akan Tuhan dan menunjukkan kepadaku pelayanan yang harus aku laksanakan,” jawab Yohanes. “Roh itu dicurahkan dalam hidupku dan mendorong aku untuk hidup dengan sederhana serta menjaga kesihatan, supaya aku mampu menghadapi cabaran untuk memberitakan satu mesej yang tidak ingin didengar oleh sesiapa, terutama para pemimpin politik dan agama pada zaman aku di bumi.”

“Ia sangat sukar. Aku menjalani hidup yang penuh dengan penganiayaan, perlakuan kejam, dan penolakan oleh kebanyakan orang. Namun, sukacitaku yang terbesar ialah apabila mengetahui bahawa Yesus benar-benar Mesias yang telah dijanjikan Tuhan melalui para nabi-Nya. Dia menggenapi setiap gambaran itu dengan sempurna.”

“Aku harus bertahan sehingga Dia menjadi yang agung - terang yang bercahaya di dunia dan mengalahkan kegelapan,” kata Yohanes penuh emosi.

“Akhir hidupku di bumi sungguh tragis. Kepalaku dipenggal, dan mataku ditutup.. sehinggalah aku dibangkitkan bersama orang-orang benar dan melihat Juruselamatku di awan-awan syurga. Segala penderitaan yang aku alami di bumi tidak bermakna jika dibandingkan dengan kehidupan yang kami nikmati di syurga bersama Yesus.”

“Wah!” kata Luca. “Aku tidak tahu sama ada aku mampu bertahan melalui semua yang engkau lalui, Yohanes..”

“Roh itu menunjukkan kepadaku bahawa aku memerlukan tubuh yang sihat,” jawab Yohanes. “Aku mendaki dan menuruni gunung-gunung. Aku berjalan beratus-ratus batu sambil membawa mesej Tuhan. Semua itu sangat menolong untuk memberikan kekuatan fizikal, mental, dan rohani. Seperti yang dinyatakan dalam ayat itu, aku telah dipersiapkan untuk tugas ini sejak sebelum aku dilahirkan.”

“Kisah engkau sungguh unik, Yohanes,” kata Luca. “Apakah yang akan engkau dedikasikan untuk engkau lakukan sekarang di syurga?”

“Soalan yang baik, Luca,” Yohanes tersenyum. “Aku ingin mempelajari segala-galanya tentang alam ciptaan. Aku ingin tahu bagaimana tumbuh-tumbuhan menghasilkan bunga, dan bagaimana bunga itu kemudian menjadi buah. Aku belajar tentang banyak hal di Padang Rumput syurgawi ini. Lagipun, aku mempunyai seluruh kekekalan untuk menerokai segala misteri ciptaan Tuhan.”

“Kita masih akan mempunyai banyak peluang untuk terus berbual, wahai Yohanes yang dikasihi,” kata Orel ketika titik merah itu kembali berkelip pada peta terapung. “Luca, sudah tiba masanya untuk kita pergi. Mari kita berangkat!”

“Terima kasih, Yohanes, kerana menjelaskan lebih banyak tentang Roh Kudus,” kata Luca. “Aku pasti kita akan bertemu lagi.”

Mereka berdua pun berangkat menuju ke destinasi yang seterusnya.



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

1. Sediakan sebuah bakul berisi makanan yang sihat dan berikan kepada seseorang yang memerlukan.
2. Mintalah ibu bapa atau guru untuk menemani anda ketika menyerahkan bakul tersebut.
3. Doakan orang itu, dan mintalah ibu bapa atau guru membantu anda mencari ayat-ayat Alkitab tentang iman kepada Yesus untuk dibacakan kepada mereka yang sedang melalui masa-masa sukar.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidup anda dan memberikan anda dorongan untuk hidup secara sihat.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolong anda menjadi alat yang berkuasa dalam memberitakan mesej Yesus.



Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Memberikan Kekuatan dalam Penderitaan

“Ianya diperbuat daripada mutiara!” kata Luca dengan kagum ketika dia melintasi salah satu pintu gerbang besar Yerusalem Baru.

“Pintu-pintu gerbang mutiara! Wah! Jika dilihat dari satu sisi, warnanya kelihatan keperangan merah jambu. Jika kepala dimiringkan, ia berubah menjadi ungu, dan jika dilihat tepat dari hadapan, ia kelihatan putih dengan sentuhan hijau kebiruan.”

“Mengagumkan, bukan?” kata Orel. “Terdapat dua belas pintu gerbang, tiga di setiap sisi Kota itu, dan setiap pintu itu sama indahnya. Aku telah melihat semuanya.”

“Yesus benar-benar seorang arkitek yang luar biasa,” Luca tertawa sambil cuba mencari pantulan warna pada pintu gerbang yang baru mereka lalui.

Tidak jauh dari mereka berdiri seorang lelaki, menghadap ke ufuk dengan kepalanya terangkat tinggi.

“Mari, Luca, aku akan memperkenalkan kepada kamu Stefanus,” kata Orel sambil berjalan ke arahnya.

“Orel... jubahnya mempunyai jalur merah di bahagian bawah sama seperti jubah yang dipakai oleh Yohanes tadi,” kata Luca dengan perasaan penuh ingin tahu. “Aku tidak melihat banyak jubah seperti itu. Jubahku semuanya berwarna putih. Apakah maksudnya?”

“Hai, Stefanus,” kata Orel. “Kami gembira dapat bertemu denganmu.”

“Oh, salam sejahtera, hamba-hamba Tuhan!” jawab Stefanus dengan lembut. “Engkau seorang malaikat, dan engkau - seorang yang telah ditebus. Bolehkah aku mengetahui siapa engkau?”

“Nama saya Luca, dan ini malaikat saya, Orel,” jawab Luca dengan segera. “Sesungguhnya satu kehormatan dapat bertemu denganmu, Stefanus. Kami sedang dalam satu pengembaraan untuk mempelajari tentang pekerjaan Roh Kudus yang dicurahkan dalam kehidupan manusia.”

“Alangkah indahnya pengembaraan itu! Aku rasa aku juga mahu melakukannya!” kata Stefanus dengan penuh semangat. “Roh itu dicurahkan dalam hidupku ketika aku menerima Yesus, dan Dia memimpin aku melalui saat-saat yang sangat getir dan penting. Dia juga menghiburku dengan penuh kuasa ketika saat pengakhiranku tiba.”

“Sebentar tadi, Luca bertanya tentang perbezaan yang ada pada jubahmu,” kata Orel sambil menunjuk jalur merah di bahagian bawah jubah Stefanus.

“Ini adalah satu tanda kehormatan istimewa yang diberikan oleh Yesus kepada kami,” jawab Stefanus dengan sungguh-sungguh. “Ia melambangkan orang-orang yang menyerahkan nyawa mereka kerana iman kepada Yesus. Di bumi, kami dipanggil para martir. Di syurga, kami merupakan lambang kesetiaan kepada Kristus. Warna merah itu melambangkan darah kami, yang dicurahkan kerana melakukan pekerjaan Yesus.”

“Stefanus dikenali sebagai martir Kristian yang pertama,” kata Orel kepada Luca sambil mencari satu ayat pada kaca terapung di mana ayat-ayat Alkitab muncul. “Luca, tolong baca ini, Kisah Para rasul 7:55.”



Luca membaca dengan suara lantang. Ia ditulis dalam bahasa Yunani kuno, tetapi kini dia sudah biasa membaca bahasa-bahasa Alkitab kuno: "Akan tetapi dia dipenuhi Roh Kudus lalu merenung ke langit dan melihat kemuliaan Allah serta Yesus berdiri di sebelah kanan Allah."

"Itulah saat-saat terakhir dalam hidupku di bumi," kata Stefanus. "Aku melalui banyak penderitaan kerana imanku kepada Yesus. Pada waktu itu ramai orang berniat jahat terhadap kami yang mengikut Dia."

"Perkara yang sama berlaku pada zaman aku," kata Luca dengan segera. "Ramai orang yang membuatkan hidup orang Kristian yang ingin tetapi setia kepada Yesus sukar."

"Benar sekali! Kamu ingin mengetahui tentang pekerjaan Roh dalam hidupku," Stefanus meneruskan. "Ianya sungguh luar biasa.. Roh Kudus dicurahkan dalam hidupku, dan aku menjadi seorang penginjil Yesus yang besar. Aku menjadi alat yang berkuasa di tangan-Nya. Ramai orang datang kepada Kristus melalui mukjizat yang dilakukan oleh Roh melalui aku."

"Penentangan dan penderitaan berterusan yang aku hadapi tidak bermakna bagiku, kerana aku tahu bahawa Yesus yang baik itu suatu hari nanti akan membawaku untuk hidup bersama-Nya di Yerusalem Baru untuk selama-lamanya. Dan itulah yang terjadi!

"Pada penghujung hidupku di bumi - saat ketakutan dan penderitaan yang paling besar - Roh dicurahkan ke atasku dan memberi aku penglihatan tentang Yesus yang sedang menanti aku di syurga. Dengan jaminan itu di dalam fikiranku, aku tidak merasakan serangan daripada musuh-musuhku... Aku memejamkan mata dan tertidur di antara orang-orang saleh yang lain.

"Apabila aku membuka mataku semula, aku telah dipulihkan, dan aku mendapati Yesus berada di sini, tepat pada pintu Kota ini, dan Dia menyambutku! Sebab itulah aku sering datang ke sini. Tempat ini mengingatkan aku betapa baiknya Yesus kepadaku. Dia sendiri yang telah memberikan jubah berjalar merah ini. Aku merasa tidak layak menerima penghormatan sebesar ini."

"Sungguh luar biasa kisahmu, Stefanus!" kata Luca dengan air mata yang bergenang di matanya. "Aku hanya boleh membayangkan apa yang engkau telah lalui demi Yesus."

"Kami telah belajar bahawa Roh Kudus sentiasa menyertai dan menghibur para pengikut Yesus yang setia," kata Orel sambil mengaktifkan peta terapung itu. "Terima kasih atas masa yang engkau telah luangkan bersama kami, Stefanus."

"Adalah satu kehormatan bagiku untuk berkongsi saat ini bersama dengan kamu," kata Stefanus dengan senyuman lebar. "Datanglah kembali pada bila-bila masa."

"Di mana kita akan pergi sekarang, Orel?" tanya Luca sambil memandang titik merah yang berkelip di sebelah selatan Kota itu. "Pengembaraan rohani yang seterusnya? Aku belajar begitu banyak daripada perbualan-perbualan ini!"

"Siapakah yang akan menakjubkan kita selepas ini? Mari, kita pergi!"

Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

Gunakan kreativiti anda untuk membuat kad istimewa berserta dengan kata-kata yang memberikan semangat kepada seseorang yang sedang mengalami masa kesukaran. Beritahu mereka bahawa Yesus mengasihi mereka dan mahu bersama mereka selama-lamanya. Minta ibu bapa, pastor, atau guru anda membantu untuk menyampaikan kad tersebut.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidup anda dan memberi anda kekuatan untuk menghadapi setiap masalah yang mungkin kamu hadapi.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolong anda sentiasa percaya kepada Yesus.



Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Mendorong Kita dalam Pelayanan Misi

"Peta terapung itu menunjukkan bahawa mereka telah tiba..."

"Di sinilah tempatnya," kata Orel sambil menunjuk ke Dinding Selatan Yerusalem Baru. "Namun aku tidak melihat di manakah keberadaan orang yang kita cari."

"Aku pasti dia akan muncul tidak lama lagi," jawab Luca, matanya menatap tinggi ke dinding kota yang diperbuat daripada jasper. Dinding itu memantulkan pelbagai warna - merah, kuning, perang, dan biru tua. "Lihat dinding itu, sungguh menakutkan."

"Bukan hanya dindingnya - adakah kamu melihat asas binaannya?" tanya Orel, matanya memerhati sekeliling sambil menunggu orang yang jika menurut pada peta, sepatutnya ada berdekatan.

"Wow! Begitu banyak batu permata yang berharga! Aku hanya mengenali sebahagian daripadanya."

Ini jasper, seperti dalam dinding itu, dan yang hijau ini pasti zamrud. Dan ada beberapa yang berwarna biru pekat, pasti nilam..."

Tiba-tiba, seorang lelaki muncul di belakang Luca dan berkata, "Anak kecil, engkau mempunyai kemampuan untuk melihat setiap butiran - dan juga, hatimu penuh rasa ingin tahu."

"Luca, izinkan aku memperkenalkan kepadamu Filipus si Penginjil," kata Orel sambil tersenyum lebar. Dia sangat suka muncul mengejut dan hari ini juga tidak terkecuali. Buat seketika, aku sangka peta ini ada kesilapan. Namun, alangkah baiknya dapat bertemu denganmu, Filipus - atau adakah engkau yang menemukan kami?"

"Aku menemui kamu beberapa minit yang lalu dan ingin mengejutkan kamu," kata Filipus sambil tersenyum.

"Aku teringat pernah membaca di suatu tempat bahawa engkau dipimpin terus oleh Roh Kudus," kata Luca. "Orel, apakah yang Alkitab katakan tentang Filipus?"

"Alkitab banyak menceritakan tentang dia, Luca. Filipus adalah alat yang berkuasa di tangan Tuhan," jawab Orel sambil mencari ayat pada kaca terapung itu.

"Engkau bercakap tentang aku sementara aku berdiri di hadapanmu," Filipus ketawa. "Aku sendiri boleh memberitahu kepadamu betapa ajaibnya bekerja bersama dengan Roh Kudus. Aku mempunyai kisah yang banyak untuk dikongsikan."

"Kami sedang belajar tentang apa yang Roh Kudus telah lakukan apabila Dia dicurahkan dalam kehidupan beberapa pengikut Yesus," kata Luca dengan penuh semangat. "Dalam hal ini, Roh Kudus telah menggunakan engkau dalam misi penginjilan - membawa orang ke kaki Yesus."

"Benar!" kata Orel. "Kami ingin mengetahui hal yang istimewa berlaku di sini. Aku akan bacakan Kisah Para Rasul 8:29. Alkitab menyatakan, 'Roh Kudus berkata kepada Filipus, 'Pergi dekati rata itu.'" "Adakah Roh benar-benar memimpin engkau terus kepada seseorang untuk memberitakan injil kepada mereka?"

"Oh ya! Sudah tentu itu Roh Kudus!" jawab Filipus dengan segera. "Sejak aku bertemu dengan Yesus, hatiku menyala-nyala dengan kerinduan agar Dia segera kembali. Dengan mendengar ajaran para rasul, aku memahami bahawa untuk Dia datang kembali, injil harus diberitakan kepada setiap bangsa, suku, bahasa, dan kaum."



“Oleh sebab itu, aku menyerahkan diriku untuk menjadi seorang penginjil, pemberita injil, supaya aku dapat melihat Yesus kembali dalam generasi aku sendiri. Pada saat itulah Roh Kudus dicurahkan ke atas hidupku, dan aku membiarkan hidupku dipimpin oleh-Nya dalam pekerjaan yang besar menyelamatkan orang-orang yang hilang.

“Kesaksian yang sungguh indah, Filipus!” kata Luca. “Aku juga ingin menjadi seorang pengkhotbah semasa di bumi. Benarkah Roh itu memimpinmu kepada sebuah kereta kuda di tengah jalan? Apakah yang terjadi selepas itu?”

“Itulah yang aku hendak ceritakan kepadamu.” jawab Filipus. “Roh Kudus memimpin aku untuk memberitakan injil kepada seorang lelaki Etiopia. Dia telah mengembara jauh untuk sampai ke Israel demi mengenal siapa Yesus, tetapi tidak ada seorang pun di Israel yang menjelaskan kepadanya. Maka dia pulang dengan hati yang bingung dan tawar.”

“Roh mengenal orang-orang yang benar-benar rindu untuk mengenal Yesus, lalu Dia mengutus kami untuk bertemu dengan mereka,” kata Filipus dengan penuh sukacita. “Dan selebihnya adalah kuasa Roh Kudus yang dicurahkan dalam hidup mereka, mengubah mereka menjadi murid-murid Yesus, serta menggerakkan mereka untuk melaksanakan misi itu..”

“Akhirnya aku menemukan engkau, sahabatku Filipus” kedengaran satu suara yang dalam dan tenang dari belakang mereka. Ketiga-tiga mereka berpaling serentak.

“Sebenarnya kami baru sahaja bercakap tentang kamu!” kata Filipus sambil berlari untuk memeluk lelaki yang baru muncul itu.

“Izinkan aku memperkenalkan kepada kamu sahabatku dari Etiopia - ya, orang yang berada di dalam kereta kuda itu dan yang telah dibaptiskan di tengah perjalanan. Aku bertemu dengannya lagi di sini, di Kota Kudus!”

“Senang bertemu dengan kamu semua, sahabat-sahabat Filipus,” kata orang Etiopia itu dengan ramah.

“Maafkan aku kerana terpaksa membawa Filipus pergi sebentar, tetapi aku telah mengumpulkan lebih daripada lima ratus orang yang datang kepada Yesus di Etiopia - oleh kasih kurnia Tuhan dan melalui pelayanan misiku - dan sekarang mereka semua juga berada di syurga! Mereka semua ingin mengucapkan terima kasih kepada Filipus. Jadi aku harus membawanya bersama. Jangan bimbang - kita akan mempunyai banyak masa untuk berbual dan saling mengenali dengan lebih mendalam.”

“Lima ratus orang ditebus! Wah!” kata Luca dan Orel serentak.

“Tiada masalah, kita akan bertemu lagi nanti, Filipus.”

Orel menyalakan peta terapungnya, lalu menekan beberapa butang, dan cahaya merah itu mula berkelip-kelip..

“Kamu tidak akan mahu terlepas watak yang seterusnya,” kata Orel.

“Aku sendiri sudah tidak sabar untuk bertemu dengannya. Sudah bersedia?”

“Sekarang engkau membuatkan aku turut teruja! Mari kita pergi!” jawab Luca dengan penuh semangat.



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

Dengan bantuan ibu bapa anda, pilih salah satu daripada aktiviti berikut:

1. Hafal Mazmur 23 atau mana-mana mazmur yang lain, dan mintalah pastor atau guru anda memberikan peluang untuk anda melafazkannya di gereja atau di sekolah.
2. Sediakan satu khutbah atau renungan singkat, lalu kongsikannya bersama keluarga dan sahabat-sahabat anda, atau - jika berkesempatan - di gereja atau di sekolah.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidup anda dan sentiasa menggerakkan anda untuk melaksanakan misi Tuhan.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolong anda memenangkan jiwa-jiwa yang lain untuk Tuhan.

A large, blank, lined area for writing, resembling a notepad with a decorative top border and a wavy bottom border.



Roh Kudus yang **DICURAHKAN** Menjadikan Kita Anak-anak Tuhan

“Selamat datang ke Dataran Pusat Yerusalem Baru.” kata Orel kepada Luca.

“Lihat pancuran-pancuran air itu! Betapa indahnyanya tempat ini!” kata Luca sambil berlari menghampiri sebuah pancuran besar yang dihiasi ukiran bunga di tengah-tengah dataran itu.

“Begitu ramai orang ada di sini. Di sana aku melihat seperti sebuah amfiteater, dan ramai orang-orang tebusan sedang mendengar dengan penuh perhatian seseorang yang sedang berbicara,” kata Luca, sambil berusaha melihat dan mendengar sebanyak mungkin dalam waktu yang singkat.

“Kita perlu ke sana,” kata Orel sambil menunjuk ke arah amfiteater di tengah dataran itu. “Ada lebih daripada sejuta orang tebusan yang berkumpul sekarang. Mari tunggu sebentar untuk bercakap dengan orang yang ada di hadapan.”

“Orel, apa yang ada di sana?” Luca menunjuk ke arah sebuah bangunan besar di salah satu hujung dataran. Di pintu masuk, kelihatan imej sebuah kitab terbuka yang terapung di atas sebuah tiang.

“Aku akan menunjukkan tempat itu kepadamu nanti,” kata Orel. “Ia dipanggil sebagai Bilik Catatan Syurgawi, tempat di mana kisah hidup setiap manusia yang pernah hidup di bumi disimpan.”

Pada saat itu, tepukan dan seruan halleluya bergema di seluruh dataran. Pengkhotbah sudah selesai menyampaikan pelajarannya dan melangkah turun dari pentas, dan kini nyanyian pujian para malaikat mula berkumandang.

“Mari!” kata Orel sambil memegang tangan Luca. Kedua-dua mereka, hampir berlari untuk mengejar seorang lelaki yang berpakaian jubah putih yang berjalur merah di bahagian hujung jubah. Mereka menemuinya di belakang amfiteater.

“Paulus! Paulus!” Orel memanggil lelaki itu. “Tunggu kami - kami ingin berbicara dengan kamu.”

Lelaki itu, Paulus, berhenti, sambil memandang mereka dengan tekun, lalu tersenyum gembira.

“Orel dan Luca - benarkah itu kamu?” kata Paulus, seolah-olah dia sudah mengenali mereka.

“Wah!” kata Luca sambil memandang Orel penuh kehairanan. “Bagaimana kamu mengenali kami?” tanyanya.

“Sahabat baikku, Stefanus, telah memberitahu kepadaku bahawa kamu telah bertemu dengannya dan bahawa kamu sedang mencari orang-orang yang pernah mengalami pekerjaan Roh Kudus,” kata Paulus sambil tersenyum. “Jadi, hanya menunggu waktu yang tepat untuk kamu datang mencari aku.”

“Engkau sungguh luar biasa, Paulus!” kata Luca dengan penuh semangat. “Aku sangat mengagumimu. Engkau merupakan teladan yang berpengaruh bagiku semasa aku masih di bumi.”

“Oh, Luca,” jawab Paulus dengan penuh kerendahan hati. “Kata-katamu menyentuh hatiku. Namun aku hanyalah seorang manusia biasa yang menerima kehormatan untuk menjadi seorang perajurit bagi Yesus.



“Bukan sekadar seorang perajurit,” tambah Orel. “Tetapi panglima terbesar dalam tentera Tuhan yang pernah ada di bumi.”

“Sahabat-sahabatku, kata-kata kamu terlalu memuji aku,” Paulus tertawa. “Namun segala kemuliaan hanya bagi Tuhan - hanya bagi Panglima Tertinggi, Yesus! Tiada yang lain selain Dia!”

Orel menampilkan satu ayat pada kaca terapung, dalam Roma 8:14, “kerana orang yang dipimpin oleh Roh Allah ialah anak-anak Allah.”

“Paulus, tolong jelaskan kepada kami - bagaimana Roh Kudus mengubah manusia menjadi anak-anak Tuhan?”

“Soalan yang baik!” kata Paulus. “Ia merupakan satu persoalan teologi yang sangat mendalam. Namun secara ringkas, aku akan katakan begini: semua orang yang dibaptiskan menerima berkat Roh Kudus. Pada saat itu, Roh Kudus memulakan pekerjaan yang senyap dan mengubah hati manusia.”

“Maka setiap orang yang menerima Yesus sebagai Juruselamat mereka, dibaptiskan, dan hidup mengikut jejak langkah-Nya, menjadi sebahagian daripada keluarga Tuhan. Itulah sebabnya kita semua berada di sini! Di Yerusalem baru ini! Kita semua adalah anak-anak yang diangkat oleh Yesus.”

“Roh yang dicurahkan sepenuhnya menjadikan kita anak-anak Tuhan,” Paulus mengakhiri penjelasannya.

“Agak sukar untuk memahami pada mulanya,” kata Luca sambil menggaru kepalanya, “tetapi akhirnya aku faham. Aku telah diangkat menjadi ahli keluarga Tuhan melalui kuasa Roh Kudus, betul begitu?”

“Benar sekali!” kata Paulus. “Aku sendiri juga telah diangkat sebagai anak. Dapatkah kamu bayangkan bagaimana kehidupanku sekiranya Yesus tidak menemui aku di jalan ke Damsyik? Aku sendiri bergegar setiap kali memikirkannya.”

“Mari kita ucapkan syukur kepada Tuhan kerana menganggap kita layak untuk menerima kasih kurnia-Nya,” kata Orel. “Saudara Paulus yang dikasihi, aku rasa engkau harus kembali ke amfiteater sekarang - ada di antara orang-orang tebusan yang memberi isyarat agar engkau kembali kepada mereka.”

“Oh ya! Maafkan aku, sahabat-sahabatku... tugas memanggil!” Paulus mengenyitkan mata kepada Luca lalu melangkah pergi.

“Paulus adalah seorang yang memiliki kemampuan intelektual yang sangat tinggi,” kata Orel. “Di bumi dahulu, Tuhan menggunakannya untuk memberitakan injil kepada orang-orang yang berkuasa dan berpengaruh. Di sini, di syurga, kebolehannya semakin meningkat, dan dia mampu berbincang tentang perkara-perkara yang sangat menakjubkan bahkan dengan para malaikat. Semua orang ingin mendengarnya!”

“Aku ingin berbual dengan Paulus lagi,” kata Luca. “Aku masih mempunyai begitu banyak soalan untuk dia. Ke mana kita akan pergi sekarang, Orel?”

“Ke suatu tempat yang aku rasa sangat kamu kenali, anak kecil,” jawab Orel dengan suara yang tenang dan lembut. “Menjadi satu kehormatan untuk mengembara bersama kamu sekali lagi.”



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____






Mari mula

BEKERJA!

Warnakan gambar Paulus yang sedang berkhotbah di Yerusalem Baru. Di dalam kotak, tuliskan ayat berikut: **“Di syurga kelak, aku ingin bertemu dengan tokoh-tokoh Alkitab kegemaranku.”** Gunting lukisan tersebut dan letakkan di tempat yang mudah dilihat di rumah atau dalam bilik anda.



Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidupmu dan menjadikan anda sebahagian daripada keluarga Tuhan.
2. Berdoalah agar Roh Kudus menolong anda untuk tetap setia sebagai anggota keluarga Yesus.



Adventist
Children's Ministries

Roh Kudus yang **DICURAHKAN** di Bumi

“Luca!... Mama sudah memanggil kamu hampir sepuluh minit.. Jangan sampai mama naik ke atas..”

Luca perlahan-lahan membuka matanya. “Di manakah aku?” dia bertanya dengan suara yang lembut.

“Luca! Kamu akan lewat ke sekolah.” kata mama dari pintu bilik. “Ayah sudah menunggu di dalam kereta untuk menghantarmu.. Cepat bersiap, anak!”

“Mama! Saya sudah pulang,” kata Luca sambil memeluk ibunya dengan erat.

“Pulang dari mana lagi, anakku?” kata ibu Luca sambil mencium kepalanya. “Tetapi kamu perlu cepat. Hari ini ialah hari pertama persekolahan, dan kamu tentu tidak mahu terlepas.”

“Mama! Saya berada di syurga! Saya melawat dunia-dunia lain, melihat perkara-perkara yang sangat menakjubkan, dan berbicara dengan tokoh-tokoh Alkitab,” kata Luca dengan penuh semangat.

“Mama rasa kamu telah mendapat mimpi yang sangat istimewa, jawab ibunya. “Tetapi kamu boleh ceritakan kemudian. Sekarang, marilah kita berdoa dan mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana Dia menjaga kamu sepanjang malam.”

Mereka berdua berlutut di sisi katil dan berdoa. Lalu Luca bersiap untuk ke sekolah. Ibunya telah menyediakan bekal sarapan untuknya, dan ayahnya sedang menunggu di dalam kereta untuk menghantarnya ke sekolah sebelum pergi bekerja.

Ketika berada dalam kereta, Luca bertanya, “Ayah, siapakah yang ayah ingin temui di syurga?”

“Oh, ramai orang.” jawab ayahnya sambil memandu. “Musa, Daud. dan Paulus...”

“Saya sudah bertemu dengan mereka!” kata Luca dengan cepat. “Atau sekurang-kurangnya, saya bermimpi bercakap dengan mereka. Yerusalem Baru sangat indah. Ayah tidak dapat membayangkan semua perkara yang saya lihat di sana...”

“Suatu hari nanti kita akan pergi bersama-sama - kamu, mama, dan ayah,” jawab ayahnya. “Tetapi untuk kita bertiga ke sana, kita harus setia kepada Tuhan dan melakukan bahagian kita. Kamu ada membawa Alkitabmu?” tanya ayahnya. “Buka dalam Kisah Para rasul 1:8 dan bacakan, anakku.”

Luca membaca, “Dalam suatu penglihatan pada malam hari, kulihat seorang lelaki menunggang kuda berwarna perang kemerah-merahan. Dia berdiri di antara pokok murad di dalam jurang, sementara di belakangnya ada beberapa ekor kuda berwarna merah, merah perang, dan putih.”

“Untuk pergi ke syurga, kita mesti menerima Roh Kudus dan melaksanakan misinya,” jelas ayahnya. “Roh itu harus dicurahkan dalam hidup kita supaya kita dapat digunakan sebagai alat keselamatan di tangan Yesus. Dengan cara itu, lebih ramai orang akan mengetahui bahawa Dia akan datang semula tidak lama lagi di awan-awan syurga...”

“Betul, ayah,” kata Luca. “Ayah benar. Bolehkan saya mula belajar Alkitab bersama rakan-rakan sekelas saya yang bukan Kristian?”



“Sudah tentu, anakku!” kata ayah. “Dengan terlibat secara aktif dalam misi, kamu akan bertumbuh kuat secara rohani, dan kamu sedang menuruti perintah Yesus. Itulah sebabnya Roh Kudus akan menolong kamu melaksanakan rancangan Tuhan dalam hidupmu.”

“Ayah, saya mahu menjadi pengkhotbah seperti Paulus,” kata Luca dengan penuh semangat. “Saya tahu perjalanan saya masih panjang, tetapi saya mahu bermula sekarang juga!”

“Anakku, kamu tidak tahu betapa besar kegembiraan yang ayah rasakan mendengar kata-katamu itu,” kata ayah sambil menyeka air mata. “Itulah perkara paling indah yang pernah ayah dengar setakat ini.”

“Ayah, saya juga mahu menjaga tubuh badan saya dan berhenti makan daging,” kata Luca dengan tekad. “Yohanes Pembaptis mengajar saya bahawa saya mesti sihat jika saya mahu Tuhan menggunakan saya sebagai alat di tangan-Nya.”

“Oh, Luca...” jawa ayah. “Itu mungkin agak sukar. Tetapi mama dan ayah akan cuba sedaya upaya. Kita lakukan langkah demi langkah, ya?”

Mereka telah tiba di sekolah. Luca mencium ayahnya sebelum berlari masuk ke dalam kelas. Dia duduk di salah satu meja di bahagian hadapan.

“Aku akan belajar bersungguh-sungguh untuk mengetahui segala yang aku mampu,” fikirnya dengan tekad, “supaya aku berguna bagi Tuhan dan membantu dalam penginjilan dunia. Aku mahu Tuhan Yesus datang kembali pada generasi ini. Aku mahu pergi ke syurga dan menjalani hidup apa yang telah aku impikan.”

Roh itu telah dicurahkan dalam kehidupan Luca dan sedang melakukan pekerjaan-Nya yang mengubah di dalam hati kanak-kanak kecil yang berusia lapan tahun itu.

“Hai, nama saya Luca,” katanya kepada seorang gadis yang duduk di sebelah kanannya.

“Hai Luca, nama saya Amanda,” jawab gadis itu dengan malu.

“Amanda, mahukah kamu belajar Alkitab bersama saya dan beberapa orang kawan saya?”

“Uh... Ya.. sesuatu yang baik.” jawab Amanda perlahan.

“Syukur!” kata Luca dengan gembira. “Saya akan berikan jadual kelas Alkitab itu kepada kamu nanti.”

Luca mendapat pelajar Alkitabnya yang pertama!

Tanpa disedari oleh Luca, di salah satu meja kosong di bahagian belakang kelas, Orel duduk sambil tersenyum.

“Kamu akan membesar di dalam Tuhan, Luca yang dikasihi,” kata Orel.

“Tidak lama lagi, kita akan bertemu kembali untuk menikmati perkara-perkara yang luar biasa di syurga bersama Yesus.”



Pengesahan
PENYELESAIAN



Saya telah membaca Renungan hari ini!

Nama: _____ Tarikh: _____ Tandatangan Ibubapa/Guru: _____





Mari mula

BEKERJA!

1. Buat senarai lima kawan yang belum mengenal Yesus.
2. Berdoalah untuk mereka dan tanyakan sama ada mereka ingin belajar Alkitab bersama anda.
3. Dengan bantuan ibu bapa, atur kelas Alkitab anda dan berikan pelajaran Alkitab kepada kawan-kawan anda.

Jika mereka sudah cukup umur, **jemput mereka untuk menerima Yesus** sebagai Juruselamat peribadi melalui pembaptisan.

Mari
BERDOA!



Berikut ialah beberapa topik doa. **Berdoalah beberapa kali sepanjang hari ini.** Ingatlah untuk berdoa secara peribadi dan juga libatkan keluarga serta rakan-rakan.

1. Berdoalah agar Roh Kudus dicurahkan dalam hidupmu dan menjadikan anda alat yang kuat dalam pekerjaan Tuhan.
2. Berdoalah agar Roh Kudus membawa ahli keluarga dan kawan-kawan untuk belajar Alkitab bersama anda supaya anda dapat menolong mereka mengenali Yesus.



[illegible]



Pelayanan Kanak-kanak
Adventist